

01

Aplikasi Teori Pemikiran Kritis dan Kreatif dalam Pengajaran Bahasa Melayu

Kamariah Abd Rahim

kamariah_abd_rahim@moe.edu.sg

Siti Raihanni Selamat

siti_raihanni_selamat@moe.edu.sg

Sekolah Katolik Hai Sing

Abstrak

Persekitaran berbahasa yang berbeza pada masa kini telah mengubah kaedah pembelajaran dan pengajaran Bahasa Melayu di sekolah-sekolah. Kini, para pelajar lebih terdedah kepada bahasa Inggeris yang merupakan bahasa komunikasi utama mereka. Ternyata, penggunaan bahasa Inggeris yang amat meluas ini telah mempengaruhi pemikiran pelajar sehinggakan mereka tidak lagi terdedah kepada isu-isu masyarakat Melayu. Kini, seolah-olah wujud jurang antara masyarakat Melayu yang kerap berbahasa Melayu dengan mereka yang lebih kerap berbahasa Inggeris. Terdapat juga tanggapan bahawa mereka yang lebih kerap berbahasa Inggeris merupakan golongan yang lebih terpelajar daripada mereka yang berbahasa Melayu. Begitu juga dengan pembelajaran dan pengajaran Bahasa Melayu juga turut melalui perubahan. Antara lain, kertas kerja ini akan membentangkan perbezaan pelahiran idea di antara cara pengajaran biasa dengan cara pengajaran yang menekankan pemikiran kritis dan kreatif. Dapatan kajian ini juga akan mengetengahkan teori-teori dalam pengajaran bagi menggalakkan pelahiran idea-idea yang kritis dan kreatif. Seterusnya kajian ini akan membuktikan bahawa pendekatan pengajaran merupakan satu teknik yang berkesan bagi membantu pelajar melahirkan pendapat tentang isu-isu semasa khasnya yang berkaitan dengan masyarakat Melayu.

Kata Kunci: persekitaran berbahasa, pembelajaran, pengajaran, pemikiran kritis, pemikiran kreatif.



PENGENALAN

Menurut Laporan Jawatankuasa Semakan Bahasa Ibunda 2010, antara objektif umum pengajaran dan pembelajaran Bahasa Ibunda adalah untuk membina pengguna bahasa yang cekap berkomunikasi. Kemahiran berkomunikasi dalam bahasa Inggeris dan Bahasa Ibunda merupakan satu kemahiran yang penting bagi mewujudkan rakyat Singapura yang berdaya saing.

Oleh itu, Kementerian Pendidikan memperkenalkan kurikulum yang menekankan kemahiran interaksi lisan di samping kemahiran interaksi secara penulisan. Menurut Draf Deskriptor Kecekapan Bahasa Ibunda Untuk Menengah 4, pelajar di peringkat ini seharusnya boleh bertutur dengan memberikan gambaran yang jelas tentang sesuatu keadaan dan berkongsi pandangan tentang topik sehari-hari dengan fasih. Pelajar juga harus dapat menggunakan kosa kata yang baik dan jenis pola ayat yang berbeza dan memberi pandangan yang disokong dengan contoh-contoh yang sesuai. Bagi kemahiran lisan pula, pelajar sepatutnya boleh berinteraksi dengan fasih tentang topik sehari-hari. Mereka juga harus berupaya mengambil bahagian dalam perbincangan tentang hal-hal yang menjadi minat peribadi dan bertukar-tukar pandangan dengan orang lain.

Menyedari hakikat ini, kajian ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran berfikir pelajar bagi melahirkan pelajar-pelajar yang dapat berkomunikasi dengan fasih dan berkesan. Sekaligus, kemahiran berfikir ini akan menyediakan mereka bagi ujian lisan, penulisan karangan ekspositori dan penulisan e-mel rasmi. Perbualan pelajar dalam aktiviti harian jelas menunjukkan bahawa kemahiran ini perlu diberikan penekanan di bilik darjah. Walaupun pelajar berupaya memberikan idea-idea bernas, guru-guru perlu mentafsirkan isi yang ingin disampaikan oleh mereka dan membantu mereka menyampaikan idea mereka itu dalam bahasa yang lebih baik. Perkara ini ketara apabila diteliti nota pelajar yang kadang-kala terlalu ringkas dan tidak gramatis.

Pendedahan kepada teknik berfikir secara kreatif dan kritis diperlukan agar pelajar dapat melahirkan pendapat mereka dengan yakin dan berkesan. Selanjutnya, idea-idea mereka secara lisan ini dapat dicatatkan agar bahasa yang digunakan dapat diperbaiki sebelum para pelajar melahirkan pendapat



tersebut dalam berbentuk lisan. Dengan cara ini, berjajalah pelajar yang boleh melahirkan pendapat mereka dengan bernas serta dengan bahasa yang gramatis.

TUJUAN KAJIAN

Matlamat utama kajian ini adalah untuk mengkaji keberkesanan kaedah pengajaran yang berlandaskan teori pemikiran kritis dan kreatif dalam menghasilkan pendapat tentang isu-isu semasa. Pendapat ini digunakan oleh pelajar dalam latihan lisan, karangan ekspositori dan e-mel rasmi. Selain itu, pengkaji juga ingin mengetengahkan perubahan sikap pelajar dalam melahirkan idea mereka dengan lebih yakin dan bersahaja.

PERNYATAAN MASALAH

Berdasarkan pemantauan para pelajar kurang berupaya melahirkan pendapat yang menyeluruh dan mendalam tentang isu yang dibincangkan. Perkara ini kemungkinan disebabkan oleh kurangnya pendedahan kepada cara hidup masyarakat Melayu yang lebih kerap menggunakan bahasa Inggeris dan ketidakupayaan mereka sendiri untuk menggunakan bahasa Melayu dengan baik kerana kurang menggunakannya dalam kegiatan harian.

KAJIAN LEPAS

John Dewey (1933) telah mengetengahkan pendidikan berdasarkan kaedah saintifik, menjangkit minat pelajar dan menyatukan pengalaman dan renungan dalam isi pelajaran. Menurutnya, pemikiran seseorang berkait rapat dengan pengalamannya.

Robert W. Weisberg (1980, 1986 & 2003) pula, bersetuju dengan pendapat ahli psikologi seperti Perkins (1981); Newell, Shaw, dan Simon (1962) bahawa proses pemikiran yang mendasari kelahiran inovasi merupakan proses yang sama bagi aktiviti harian. Dalam erti kata lain, inovasi boleh dilahirkan melalui proses pemikiran yang biasa kita jalankan.

Berdasarkan kenyataan Dewey dan Robert ini, pendedahan kepada perkara-



perkara autentik berkenaan isu yang dibincangkan penting agar pelajar dapat memberikan pendapat atau idea peribadi mereka dengan berkesan. Oleh itu, kajian ini memberikan tumpuan pada isu remaja, yang berkait rapat dengan diri pelajar agar gambaran yang lebih luas dan benar dapat difahami pelajar apabila mereka didedahkan kepada pengetahuan ini. Video drama-drama yang berkisar sekitar masalah remaja Melayu digunakan bagi membolehkan pelajar menjana pendapat mereka tentang isu yang dibincangkan serta menyarankan punca dan jalan penyelesaian masalah tersebut secara kreatif dan kritis.

Menurut Tresa M. Amabile (1996), kreativiti ialah pelahiran sesuatu yang baharu dan berguna dalam apa jua domain. Inovasi pula merupakan pelaksanaan idea yang kreatif. Oleh itu, kreativiti merupakan titik permulaan inovasi, tetapi bukan satu-satunya syarat inovasi.

Kenyataan di atas telah mendorong pengkaji menggunakan pelahiran gambar sebagai pencetus idea. Gambar-gambar yang dipilih sendiri oleh pelajar telah merangsang pemikiran mereka dalam melahirkan idea baharu. Proses melahirkan sesuatu yang kreatif dan inovatif dapat dijalankan apabila pelajar boleh memberi tafsiran sendiri tentang apa yang mereka fahami dan cuba disampaikan melalui kaitan gambar dengan masalah sosial dalam kalangan remaja.

Menurut Edward De Bono, kita boleh mengendalikan perbincangan dan melahirkan pendapat yang lebih mendalam melalui teknik Enam Topi Pemikiran berdasarkan cara berfikir yang pelbagai. Teknik ini direka untuk mewujudkan persekitaran perbincangan dan pelahiran idea yang produktif.

Teknik yang disarankan oleh De Bono ini digunakan untuk membincangkan watak yang memegang peranan yang berbeza berdasarkan topi atau 'tanjak' yang dipakai. Aktiviti ini membolehkan pelajar dan guru meneroka, melihat sendiri keberkesanan teknik ini bagi melahirkan perbincangan yang lebih tertumpu melalui pelahiran idea yang kreatif bagi menyelesaikan masalah tentang gejala sosial dalam kalangan remaja.

Akhir sekali, kajian ini juga mahu membina sahsiah pelajar dan mampu membuat keputusan yang bijak dalam kehidupan seharian mereka. Guru juga



telah menerangkan serba sedikit tentang pemikiran Inventif oleh Moshe Bark.

KAEDAH KAJIAN

Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada 10 orang pelajar menengah empat Ekspres. Mereka terdiri daripada para pelajar dari kelas Ekspres yang berbeza latar belakangnya. Dua orang berbangsa India dan seorang dari Indonesia sementara yang lain ialah pelajar Melayu Singapura. Data daripada 10 orang pelajar ini dikumpulkan setelah mereka melalui kesemua pengajaran guru yang mempraktikkan kaedah pengajaran dari teori yang berbeza. Kesemua pelajar ini mempunyai tahap penguasaan Bahasa Melayu yang sederhana sekitar gred B3-B4.

Instrumen Kajian

Dalam kajian ini, beberapa instrumen kajian telah digunakan seperti yang berikut:

1. Borang soal selidik latar belakang pelajar. (Lampiran A)
2. Borang mengumpul isi. (Lampiran B)
3. Pakej 'Menggapai Sinaran' keluaran kerjasama MCYS dan KGMS, Video dan lembaran kerja perbincangan episod 4: Hanyut Kerana Samseng. (Lampiran C)
4. Pakej 'Menggapai Sinaran' keluaran kerjasama MCYS dan KGMS, Video dan lembaran kerja perbincangan episod 6 : Muzik Black Metal. (Lampiran D)
5. Gambar dan borang pelahiran idea mengaitkan gambar dengan tema atau soalan-soalan perbincangan. (Lampiran E)
6. Lembaran / Nota panduan soalan-soalan perbincangan dan peranan yang berbeza (mengikut warna 'tanjak' yang dipakai). (Lampiran F)
7. Tanjak-tanjak yang berlainan warna mengikut peranan yang dipikul (putih, biru, hitam, merah, kuning dan hijau) (Lampiran G)
8. Dapatan perbandingan mengumpul isi (Lampiran H)
9. CD rakaman perbincangan. (Lampiran I)



Prosedur Kajian

Para pelajar telah diberikan borang soal selidik untuk memberikan secara ringkas latar belakang mereka sebagai pelajar, remaja dan anggota keluarga. Borang ini bertujuan menyatakan perbezaan latar belakang dan kecenderungan pelajar.

Seterusnya, kaedah biasa mengumpul isi karangan ekspositori / lisan dan e-mel rasmi dijalankan. Pelajar diminta menyenaraikan butiran-butiran berpandukan soalan pada Borang Mengumpul Isi (Pertama) secara berpasangan dengan menjawab 3 soalan yang telah diberikan. Borang ini diketepikan untuk dijadikan bahan perbandingan pelahiran idea menggunakan kaedah yang biasa digunakan melalui perbincangan berpasangan (kaedah kooperatif) dengan kaedah pemikiran secara kritis dan kreatif.

Bagi memberi pendedahan kepada pelajar terhadap masalah sosial dalam kalangan remaja, guru menggunakan pakej 'Menggapai Sinaran' dan menayangkan video episod 4 dan 6. Dengan cara ini, diharap pelajar dapat 'menjiwai' dan lebih memahami kenyataan wujudnya masalah sosial dalam kalangan remaja khususnya yang berbangsa Melayu.

Bagi tujuan mengekalkan informasi yang diperoleh semasa menonton video dan merangsang pemikiran kritis dan kreatif, pelajar diberikan lembaran kerja perbincangan berdasarkan video yang ditonton.

Aktiviti seterusnya juga memerlukan pelajar berfikir secara kreatif dan kritis. Setiap pelajar digalakkan memilih satu gambar berwarna yang disediakan guru. Setelah memilih gambar tersebut, guru mengajak pelajar duduk dalam bulatan. Guru memulakan aktiviti ini untuk menunjukkan contoh bagaimana pelahiran idea yang mengaitkan gambar dengan isu remaja dijalankan. Pelajar melahirkan idea masing-masing secara bergilir-gilir. Guru menggalakkan pelajar untuk mencatat pelahiran idea mereka pada lembaran yang disediakan.

Semasa pengajaran yang berikutnya, sekali lagi guru dan pelajar-pelajar duduk dalam bulatan di hadapan bilik darjah. Guru memberikan pelajar lembaran yang berupa nota panduan. Nota ini mengandungi soalan perbincangan yang sama dengan soalan yang terdapat pada borang pengumpulan isi. Selain itu,



lembaran ini juga mengandungi penjelasan ringkas tentang peranan pelajar yang bakal memakai tanjak yang berwarna putih, kuning, hijau, merah hitam dan biru. Guru memulakan perbincangan dengan memperkenalkan aktiviti ini, memberi penerangan ringkas tentang bagaimana ia dijalankan dan memberi masa seminit untuk pelajar memilih peranan masing-masing. Pelajar memilih peranan masing-masing dan warna tanjak yang melambangkan peranan masing-masing diberikan kepada mereka. Untuk memastikan perbincangan ini berjalan dengan lancar dan terkawal, guru memilih untuk memakai tanjak biru yang berperanan sebagai pemudah cara dan memulakan aktiviti ini.

Dengan menggunakan telefon bimbit, guru merakam perbincangan agar perbualan setiap pelajar dapat dicatat kemudian.

Pada hari berikutnya, pelajar diberikan borang pengumpulan isi sama seperti yang diberikan pada hari sebelumnya. Sekali lagi pelajar disuruh mengisi bahagian A, B dan satu lagi bahagian lain.

Dapatan daripada aktiviti-aktiviti yang dijalankan iaitu, pengumpulan isi pertama dan kedua, lembaran kerja yang diselesaikan selepas menonton video, lembaran kerja yang merakamkan pelahiran perasaan dan idea pelajar tentang bagaimana mereka mengaitkan gambar dengan masalah sosial dalam kalangan remaja dan rakaman bertulis tentang kegiatan perbincangan peranan yang berbeza dianalisa. Dapatan ini akan mendedahkan sejauh mana terserlah pemikiran kritis dan kreatif pelajar.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian membuktikan bahawa daya pemikiran pelajar boleh dipertingkatkan. Pelajar boleh dilatih untuk menghasilkan pemikiran yang lebih baik melalui teknik-teknik yang mampu membentuk pemikiran kritis dan kreatif. Bukti keberkesanan aktiviti yang dijalankan ini diharapkan akan ketara melalui pembentangan dapatan kajian dan melalui hasil kerja dan perbincangan pelajar setelah melalui aktiviti-aktiviti yang telah dirancang. Perbandingan jawapan yang diberikan pelajar sebelum dan selepas latihan dijalankan juga akan dilakukan khususnya dalam mempersembahkan dapatan bagi kegiatan menjana pendapat. Perbezaan jawapan pelajar dapat dilihat



melalui idea-idea atau jawapan pelajar-pelajar tertentu. Dalam dapatan kajian ini, hanya idea atau jawapan yang dirasakan lebih menarik, kritis atau kreatif sahaja yang akan diketengahkan. Perubahan cara menjawab, tentunya yang lebih baik jika dibandingkan dengan jawapan yang diberikan sebelumnya juga akan diketengahkan sebagai usaha untuk membuktikan bahawa aktiviti yang dijalankan boleh memberi kesan yang diinginkan.

Aktiviti Melahirkan Idea Dengan Mengaitkan Gambar Dengan Isu Sosial Dalam Kalangan Remaja

Aktiviti '*Learning Circle*' sering dijalankan oleh guru bagi menggalakkan pelajar melahirkan perasaan. Apabila pengkaji mengajak pelajar duduk dalam bulatan, mereka menyangka bahawa aktiviti '*Learning Circle*' akan dijalankan. Mereka berasa selesa dan ghairah untuk mengambil bahagian. Namun, menjadi tanda tanya kepada pelajar apabila kembali ke tempat duduk dalam bulatan. Guru menerangkan bahawa aktiviti ini dijalankan untuk mencungkil kekreatifan pelajar menghubungkan gambar yang telah dipilih dengan isu sosial dalam kalangan remaja. Seorang pelajar telah memulangkan sekeping gambar bangunan tinggi yang mungkin dirasakan tidak dapat dikaitkan dengan topik ini. Guru mengambil gambar itu dan memulakan aktiviti. Gambar itu dikaitkan dengan berdiri megah dan kuatnya seorang remaja jika segala-gala yang menyokong keperibadiannya kukuh. Besi-besi ceracak yang tersembunyi diibaratkan pengajaran moral dan akademik yang telah diberikan kepada remaja sedangkan cermin-cermin bangunan yang berkilat membolehkannya berwawasan memandang jauh ke masa depan kerana dia tahu apa yang dia mahukan untuk masa depannya kerana sering diajar menggilap kebolehan dan bakat yang ada.

Aktiviti ini telah menggalakkan pelajar yang lain menyuarakan pendapat masing-masing. Setiap pelajar diberikan dua hingga lima minit sahaja. Syed, misalnya mengaitkan gambar seorang pelari dengan seorang remaja. Pada pendapatnya, jika pelajar mudah terganggu oleh alat-alat hiburan seperti telefon bimbit, dia akan kecundang dalam pelajaran sama seperti seorang pelari yang berhenti separuh jalan kerana tidak tahan dengan keadaan haus misalnya, tidak akan hebat lariannya.

Dalam contoh seterusnya, Pelajar A telah panjang lebar melahirkan idea



tentang gambar yang dipilihnya iaitu, dua orang kanak-kanak berpayung dekat dengan dinding yang berwarna-warni dan terdapat tulisan 'pengorbanan'. Menurut ini payung yang melindungi kanak-kanak dari panas terik matahari boleh dilambangkan sebagai ibu bapa yang melindungi anak dari cabaran hidup. Perkataan 'pengorbanan' pula dikaitkan dengan pengorbanan ibu bapa.

Pelajar B telah mengaitkan gambar rama-rama yang dipilih dengan diri remaja itu sendiri yang selalunya kelihatan ceria dan cergas seperti warna-warna dan corak pada kepek rama-rama. Namun, apabila diteliti, sebenarnya rama-rama tidak begitu cantik dengan bulu-bulunya dan ini dikaitkan dengan diri remaja yang mempunyai banyak cabaran dalam kehidupannya.

Secara keseluruhannya, aktiviti ini telah membantu pelajar menyelami apa yang tersirat dalam diri pelajar. Setiap pelajar dapat melahirkan idea yang ada kalanya tidak terfikir oleh pengkaji. Aktiviti ini menarik dan secara tidak langsung kecenderungan pemikiran pelajar dapat diselami di samping menemukan kekreatifan pelajar ketika mengaitkan gambar dengan simbol yang boleh dikaitkan dengan isu remaja.

Aktiviti Perbincangan dengan Menggunakan Teknik 6 'Tanjak'

Pada mulanya, perbincangan ini bergerak agak perlahan kerana pelajar seakan-akan ragu-ragu untuk berkongsi pendapat. Mereka khuatir setiap kesilapan berbahasa atau isi yang tidak menepati harapan guru akan ditegur. Apabila guru hanya menyampuk untuk menterjemahkan perkataan-perkataan Inggeris yang digunakan atau mengingatkan tentang peranan mereka, mereka lebih selesa sehingga terlahirlah perbincangan yang menarik dan tertumpu.

Apabila Pelajar A (tanjak merah) menzahirkan ketidaksetujuannya terhadap pendapat Pelajar C (tanjak kuning), guru sedar bahawa dia telah mengetengahkan sesuatu berdasarkan pengalaman peribadinya sendiri. Dengan ini, pendapat yang diberikan semestinya boleh diguna pakai.

Apa yang menarik pada awal perbincangan lagi, pelajar sudah dapat mengenal pasti diri sendiri sebagai punca dan kunci penyelesaian masalah remaja. Pelajar D (tanjak kuning) misalnya mengatakan jika remaja menggunakan



pemikiran logikal, mereka sepatutnya boleh memilih orang yang sepatutnya dijadikan kawan.

Pelajar E (tanjak hijau) memang sesuai memegang peranan ini kerana dia berusaha mengetengahkan hujah-hujahnya tentang sebab-sebab ibu bapa harus bekerja, sebab remaja perlu berkawan untuk mendapatkan kasih sayang, perasaan remaja ingin diterima melalui '*brotherhood*' dan keinginan untuk berseronok serta sebab remaja perlu mempunyai hubungan rapat dengan seseorang. Apabila Pelajar F (tanjak hijau) menyatakan sikap remaja yang sengaja melakukan perkara-perkara yang tidak baik kerana mahu kelihatan '*cool*', sekali lagi Pelajar E mengaku bahawa sebagai remaja, dia sendiri patut dipersalahkan kerana sesetengah remaja sepertinya memang suka memberontak.

Pernyataan Pelajar G (tanjak kuning) dan contoh-contoh yang diberikan tentang semua orang mesti dikawal menarik perhatian pengkaji. Begitu juga dengan Pelajar H (tanjak merah) yang tidak suka dikawal kerana dia akan memberontak kerana berasa tidak bebas.

Pada tahap ini, guru mengawal perbincangan mengalihkan fokus perbincangan kepada penyelesaian masalah lalu mula memainkan peranan sebagai pemakai tanjak biru.

Dalam masa yang sama pelajar dapat memberikan pendapat yang cukup baik seperti yang disampaikan oleh Pelajar A (tanjak merah) bahawa remaja patut berusaha untuk berinteraksi dengan ibu bapa, meminta ibu bapa agar tidak terlalu garang dan mereka patut melakukan aktiviti bersama-sama. Seterusnya terdapat perkembangan idea yang baik yang disampaikan oleh Pelajar H (tanjak merah) dan Pelajar C (topi kuning). Pelajar H mengatakan bahawa sesetengah remaja tidak mahu berinteraksi dengan ibu bapa kerana mempunyai ketagihan kepada sesuatu yang boleh dianggap memalukan oleh ibu bapa. Pelajar C pula mengatakan bahawa sebagai remaja, mereka sering melakukan kesilapan tetapi harus belajar daripada kesilapan itu.

Secara keseluruhannya, perbincangan dapat dijalankan dengan baik. Idea-idea autentik berdasarkan pengalaman kelihatan amat jelas dan pelajar



sangat objektif walaupun mereka didapati beremosi ketika menyampaikan apa yang dirasakan betul.

Aktiviti Pengumpulan Isi

Soalan A: Apakah jenis-jenis dan sebab-sebab wujudnya masalah sosial di kalangan remaja?

Pelajar B telah memberikan 3 butiran jawapan yang baharu iaitu;

- Tiada orang memahaminya
- Remaja tidak sering berkomunikasi dengan ibu bapa
- Dia terlalu malu memberitahu tentang ketagihannya

Ketiga-tiga butiran ini cuba menyampaikan bahawa masalah sosial wujud kerana remaja mendapati diri mereka sukar difahami apatah lagi apabila mereka sememangnya tidak banyak berkomunikasi dengan ibu bapa mereka. Salah satu sebabnya ialah mereka terlalu malu untuk menceritakan kepada ibu bapa mereka bahawa mereka mempunyai masalah ketagihan yang mungkin boleh membuat ibu bapa meremehkan masalah itu atau memandang rendah terhadap anak mereka yang tidak dapat mengawal diri sehingga menjadi ketagih kepada sesuatu misalnya permainan komputer.

Pelajar I dan Pelajar H juga membincangkan idea yang menggambarkan pemikiran yang lebih luas apabila mereka menyatakan bahawa masalah sosial disebabkan oleh media massa, bukan sahaja internet. Pemilihan atau penukaran jawapan ini memberi gambaran bahawa bukan sahaja internet yang boleh mempengaruhi remaja tetapi juga media masa seperti radio, televisyen, surat khabar dan sebagainya.

Bagi soalan A, Pelajar E, Pelajar G, Pelajar J dan Pelajar D pula telah memberikan butiran jawapan yang lebih banyak dan tersusun rapi. Apa yang menarik ialah, Pelajar G yang sepatutnya berbincang secara berpasangan dengan Pelajar C telah menunjukkan keghairahan melahirkan idea-idea yang bukan sahaja berbeza daripada Pelajar C tetapi juga lebih banyak dan tersusun.

Soalan B: Apakah kesan-kesan negatif kepada masalah sosial ini ?



Pelajar B telah memberikan jawapan yang berlainan daripada pelajar-pelajar lain iaitu:

- Dipandang serong oleh masyarakat

Jawapan Pelajar B ini menunjukkan bahawa dia telah berusaha untuk keluar dari domain sekolah dan keluarga dan meneroka domain masyarakat. Jadi, dia tahu atau sedar bahawa remaja yang membawa masalah sosial dipandang serong oleh masyarakat.

Pelajar I dan Pelajar H pula mempunyai cara tersendiri iaitu mengkategorikan jawapan mereka kepada faktor emosi dan fizikal. Mereka menyedari bahawa masalah sosial ini boleh menjejaskan remaja dari dua sudut ini.

Pelajar C pula memberi dua jawapan yang menarik seperti tersebut:

- Tidak sedia menjadi ayah pada umur sekarang
- Berperilaku tidak baik di tempat awam

Pelajar C prihatin terhadap sebilangan remaja yang berkelakuan tidak senonoh di khalayak ramai dan ada pula yang belum bersedia menjadi ayah kerana keterlanjuran mereka.

Pelajar F dan Pelajar C pula telah memberi jawapan yang juga menarik:

- Membebankan kehidupan orang-orang di sekelilingnya

Jawapan ini menunjukkan bahawa kedua-dua pelajar ini sedar bahawa masalah sosial ini membawa kesan negatif iaitu, masalah-masalah itu akan menjadi beban yang bakal menjejaskan orang-orang di sekeliling remaja yang terlibat.

Soalan D: Apakah punca-punca berlakunya perpecahan institusi keluarga ?

Hanya Pelajar C sahaja memberi jawapan: Tidak mempunyai pemikiran yang sama.

Jawapan Pelajar C agak unik dan matang kerana dia menerima dan mungkin



mengetahui bahawa perselisihan atau perpecahan dalam institusi keluarga boleh wujud kerana perbezaan pemikiran yang boleh ditafsirkan sebagai prinsip atau pegangan ahli keluarga. Sememangnya pemikiran kita akan mempengaruhi tindak laku kita yang mungkin tidak disetujui orang-orang tertentu walaupun anggota keluarga kita sendiri sehingga menyebabkan perpecahan sesebuah institusi keluarga.

Soalan E: Apakah cara-cara bagi mengelakkan perpecahan ini?

Pelajar E memberi saranan:

- Pemerintah boleh mengetepikan satu hari pada setiap minggu untuk keluarga semua bebas daripada kerja – memberi masa untuk keluarga berseimbang.

Jawapan ini menunjukkan kekreatifan pelajar ini di samping kebolehannya berfikir di luar domain pelajar, sekolah dan keluarga. Pada pendapatnya, pemerintah juga boleh memainkan peranan kerana ibu bapa yang bekerja perlu mengikut jadual pekerjaan yang telah disediakan oleh pemerintah. Jadi, dengan mengubah jadual kerja ini, sesuatu dapat dilakukan untuk membolehkan keluarga meluangkan lebih banyak masa bersama-sama.

Turut menarik perhatian pengkaji ialah cara Pelajar B memberikan jawapan bagi soalan F: Apakah kesan-kesan negatif yang akan timbul daripada perpecahan ini?

Jawapan Pelajar C yang menarik ialah:

- Anak keliru tentang perasaan dan keadaan keluarga
- Mengasingkan daripada manusia
- Tiada tempat untuk bergantung harap

Jawapan yang biasa kita terima ialah, 'remaja akan mencari kasih sayang daripada orang lain' tetapi Pelajar C menerangkan bahawa remaja yang mengalami perpecahan ini akan berada dalam kekeliruan, oleh itu akan menyendiri kerana merasakan dirinya lain daripada yang lain dan merasakan bahawa dia tiada lagi tempat untuk bergantung harapan. Jarang sekali



seseorang pelajar memberikan gambaran psikologi mangsa perpecahan seperti yang digambarkan Pelajar C.

Akhir sekali soalan G: Mengapa keharmonian berkeluarga itu perlu?

Jawapan Pelajar I dan Pelajar H menarik perhatian pengkaji iaitu:

- Mengekalkan tradisi untuk menunjukkan kehormatan kepada orang lain.

Kedua-dua pelajar ini menganggap bahawa mengekalkan kebahagiaan keluarga sebagai satu tradisi yang patut dikekalkan agar orang lain akan menghormati sebuah keluarga yang berjaya mengekalkan tradisi keluarga yang lengkap, utuh dan bahagia.

Kelemahan / Hambatan Kajian

Kesuntukan masa merupakan hambatan utama proses menjalankan kajian yang lebih tuntas dan menyeluruh. Misalnya, oleh sebab kesuntukan masa, tidak semua pelajar berpeluang melahirkan pendapat atau perasaan terhadap tafsiran mereka tentang gambar yang dipilih dan bagaimana ia dikaitkan dengan topik perbincangan. Aktiviti merakam pendapat melalui penulisan juga tidak dapat dijalankan dalam waktu pengajaran, sebaliknya mereka melengkapkan catatan mereka di rumah. Kegiatan yang tidak dapat dilakukan secara berurutan mungkin juga menjejaskan ingatan pelajar. Apa yang telah diluahkan di bilik darjah atau suasana yang diinginkan tidak lagi wujud sedangkan semasa sesetengah pelajar berkongsi pendapat, ada antara mereka kelihatan agak emosi iaitu, berkobar-kobar untuk menceritakan tentang pengalaman mereka dan ada yang kelihatan termenung sebelum dipanggil oleh guru untuk berkongsi pendapat mereka. Sememangnya, kelihatan pelajar seolah-olah sedang berfikir tentang apa yang ingin dikatakan.

Selain itu, oleh sebab kesuntukan masa, pelajar juga disuruh berbincang tentang soalan-soalan di borang pengumpulan isi secara berpasangan. Sebaiknya, setiap aktiviti mesti dilakukan oleh setiap pelajar. Setiap pelajar diberi peluang untuk menjawab soalan agar dapat dibandingkan dengan jelas bagaimana setiap pelajar menggunakan masa untuk melahirkan idea dan



bagaimana setiap pelajar mengalami peningkatan pelahiran idea melalui jawapan-jawapan yang diberikan setelah menjalani aktiviti-aktiviti yang disediakan.

Bagi aktiviti perbincangan teknik 6 ‘tanjak’, guru sebenarnya tidak begitu pasti cara aktiviti ini dijalankan khususnya dalam mengenal pasti sama ada cara peranan yang dimainkan pelajar-pelajar ialah cara yang betul. Secara dasarnya pelajar telah melahirkan pendapat mengikut peranan yang sepatutnya dimainkan. Misalnya pelajar-pelajar yang memakai tanjak kuning akan melahirkan idea yang lebih logikal, pelajar yang memakai tanjak merah melahirkan idea mengikut apa yang dirasa berdasarkan emosinya dan pelajar bertanjak hijau melontarkan apa sahaja idea yang terfikir olehnya. Tetapi pelajar yang memakai tanjak putih misalnya, telah mengutarakan soalan demi soalan kepada rakan-rakannya yang lain meminta penjelasan dari mereka. Guru tidak pasti sama ada apa yang dilakukan sememangnya tugas pelajar bertanjak putih.

Seterusnya, pelajar tidak diberikan tugas yang telah dilakukan dalam aktiviti lalu seperti aktiviti pengumpulan isi lisan pertama, aktiviti menjawab soalan-soalan berpandukan video yang telah ditonton dan pelahiran pendapat dan perasaan berpandukan gambar yang dipilih. Pelajar diberikan borang pengumpulan isi yang kosong seperti yang diberikan kelmarin untuk mencabar mereka melahirkan isi yang berbeza buat kali yang kedua. Setelah isi dikumpulkan, walaupun ada beberapa bukti yang menunjukkan peningkatan pemikiran atau idea, kebanyakan idea yang diberikan hampir sama dengan yang pernah diberikan.

KESIMPULAN

Guru-guru di sekolah kami selalunya tidak menggalakkan pelajar untuk menulis karangan ekspositori. Kadang-kadang, melatih pelajar menjawab soalan-soalan lisan atau karangan tidak rasmi juga merupakan satu cabaran. Selalunya idea yang dilahirkan cetek dan kurang menarik. Mereka juga tidak dapat menghuraikan isi yang diberikan dengan baik. Pelajar sering diingatkan agar lebih banyak membaca akhbar dan sebagainya.

Biasanya, perbincangan kelas dijalankan bagi membantu pelajar



menjana lebih banyak isi. Kadangkala, guru juga menyumbangkan isi bagi membantu pelajar.

Kenyataannya, masa yang banyak diperlukan untuk membantu pelajar untuk mendapatkan pengetahuan atau isi yang diperlukan ini. Jika mereka dapat didedahkan kepada aktiviti-aktiviti seperti yang dijalankan dalam kajian ini, sudah pasti bukan sahaja isi karangan yang diberikan lebih meluas dan mendalam, malah kemahiran mereka berbicara dalam bahasa Melayu yang baik juga dapat dipertingkatkan.

Selain masa, guru perlu peka mencari bahan-bahan seperti video dan bahan bacaan yang dapat dibincangkan bersama dan menjadi pencetus idea. Aktiviti perkongsian dan pelahiran idea melalui aktiviti mengaitkan gambar dengan topik dan mengadakan perbincangan (6 topik/tanjak) melalui peranan-peranan yang berbeza memang memerlukan persediaan yang rapi namun boleh meningkatkan kemahiran berfikir pelajar. Oleh itu, mengajar bahasa Melayu kini memang kian mencabar apatah lagi jika pelajar-pelajar hanya menggunakan bahasa Melayu selama dua atau dua setengah jam sahaja dalam seminggu. Tentu melahirkan idea secara kritis dan kreatif dalam Bahasa Melayu juga merupakan cabaran yang perlu dihadapi dan ditangani bersama.

Dengan perancangan yang teliti, sokongan pengetua dan guru-guru dalam jabatan dan juga sokongan ibu bapa, tentu cita-cita menjadikan pelajar yang mengambil Bahasa Melayu berfikiran lebih kritis dan kreatif dapat direalisasikan.



RUJUKAN

- 2010 Laporan Jawatankuasa Semakan Bahasa Ibunda, *Memupuk Pelajar Aktif dan Pengguna Cekap*, Kementerian Pendidikan Singapura. Hlm 18
- 2010 Laporan Jawatankuasa Semakan Bahasa Ibunda, *Memupuk Pelajar Aktif dan Pengguna Cekap*, Kementerian Pendidikan Singapura. Hlm 114
- Dewey J. (1933). *How we think*. Chicago: Henry Regnery.
- Robert W. Weisberg (2006). *Creativity Understand Innovation in Problem Solving, Science, Invention, and the Arts*. John Wiley & Sons, 2006. Inc., Hoboken, New Jersey. Hlm 5
- Tresa M. Amabile (1996). *Creativity in Context: Update to the Social Psychology of Creativity* <http://www.amazon.com/Teresa-Amabile/e/B001HP4Q1G> , 18 May 2015. <http://youtu.be/eeVgXBtkdaPs> (Edward de Bono Six Thinking Hats (2of2))

